



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijepc.com



PENGAPLIKASIAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PROGRAM LATIHAN INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM) DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA

THE APPLICATION OF ISLAMIC VALUES IN THE TRAINING PROGRAM OF THE INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA IN ISLAMIC HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Abang Mohd. Razif Abang Muis^{1*}, Syamsul Azizul Marinsah^{2*}, Habibah @ Artini Ramlie^{3*}, Irma Wani Othman⁴, Romzi Ationg⁵, Mohd Kamal Mohd Shah⁶, Muhammad Safuan Yusoff⁷

- ¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my
- ² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: syamsulazizul@ums.edu.my
- ³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my
- ⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my
- ⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: mratong@ums.edu.my
- ⁶ Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah
Email: mkamalms@ums.edu.my
- ⁷ Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah
Email: safuan_y@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

Abstrak :

Isu-isu jenayah kolar putih melibatkan pekerja-pekerja Muslim kini menjadi fenomena yang membimbangkan. Para pekerja Muslim seperti kehilangan prinsip nilai-nilai Islam yang sepatutnya menjadi pegangan utama dalam kehidupan termasuklah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam institusi. Dalam mengatasi perkara ini, aspek penerapan dan

To cite this document:

Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Shah, M. K. M., Yusoff, M. S. (2021). Pengaplikasian Nilai-nilai Islam dalam Program Latihan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di Institusi Pendidikan Tinggi Islam di Malaysia. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (39), 101-110.

DOI: 10.35631/IJEPC.639006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pemahaman nilai-nilai Islam dalam kalangan pekerja Muslim khususnya di institusi pendidikan tinggi Islam khususnya di Malaysia seharusnya diambil berat. Antara medium yang boleh digunakan untuk melaksanakan perkara tersebut adalah dengan melaksanakan program latihan yang menekankan dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan peserta. Sebagai sebuah institut latihan berteraskan Islam, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), seharusnya menekankan aspek nilai-nilai Islam dalam program latihan yang dilaksanakannya. Oleh yang demikian, kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti penerapan nilai-nilai Islam dalam program latihan. Kedua, menganalisis penerapan nilai-nilai Islam dalam program latihan di ILIM dalam konteks institusi pendidikan tinggi Islam. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian dokumen dan menggunakan analisis kandungan kualitatif. Dapatkan kertas kerja menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima nilai-nilai Islam yang perlu diterapkan dalam program latihan iaitu nilai ihsan, amanah, keadilan, kesederhanaan dan muhasabah diri. Selain itu, didapati juga bahawa ILIM turut menerapkan nilai-nilai tersebut dalam program latihannya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kesimpulannya, penerapan kesemua nilai-nilai Islam ini dalam program latihan terutamanya di ILIM adalah sangat penting untuk mengatasi isu-isu jenayah yang melibatkan pekerja-pekerja Muslim.

Kata Kunci:

Nilai Islam, Program Latihan, Pengurusan Insan, Institusi Pendidikan Tinggi Islam

Abstract:

White-collar crime issues involving Muslim workers are now a worrying phenomenon. Muslim workers like to lose the principles of Islamic values that should be the main tenet in life, including in performing their duties and responsibilities in the institution. In overcoming this, the aspect of application and understanding of Islamic values among Muslim workers, especially in Islamic higher education institutions, especially in Malaysia should be taken into consideration. Among the mediums that can be used to implement this is to implement training programs that emphasize and apply Islamic values among the participants. As an Islamic-based training institute, the Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), should emphasize the aspect of Islamic values in the training programs it implements. Therefore, this paper has two objectives. First, identify the application of Islamic values in training programs. Second, to analyse the application of Islamic values in training programs at ILIM in the context of Islamic higher education institutions. This paper uses the document review method and uses qualitative content analysis. The findings of the paper show that there are at least five Islamic values that need to be applied in the training program, namely the values of compassion, trust, justice, moderation, and self-reflection. In addition, it was also found that ILIM also applies these values in its training program either directly or indirectly. In conclusion, the application of all these Islamic values in training programs especially in ILIM is very important to address criminal issues involving Muslim workers.

Keywords:

Islamic Values, Training Programme, Human Management, Islamic Higher Education Institutions

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Pengenalan

Nilai diertikan sebagai keyakinan yang mendorong seseorang atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama dalam masyarakat. Sesuatu tingkah laku atau asas pemikiran manusia yang bertepatan dengan sistem nilai Islam diterima sebagai perbuatan yang Islamik. Jika dilihat sistem nilai-nilai murni dalam skop syariat Islam, ia berasaskan akidah tauhid yang menjadi acuan kepada falsafah sistem nilai (Wan Mohamad Sheikh, 2011:42; INTAN, 1991). Penerapan unsur nilai menurut Islam sememangnya telah banyak dibincangkan oleh para sarjana. Aspek nilai dalam Islam lebih menyeluruh dan sempurna berbanding nilai-nilai konvensional. Hal ini bertitik tolak daripada tanggapan bahawa setiap perkara yang dilakukan oleh manusia dikira sebagai ibadah termasuklah ketaatan dan tanggungjawab kepada Allah SWT, ketua, keluarga, institusi dan negara (Abang Mohd. Razif, 2015). Kesempurnaan nilai dalam Islam terletak pada asas dan sumbernya. Asasnya ialah akidah, syariah dan akhlak. Sumbernya pula ialah al-Qur'an dan hadith. Hal ini juga bermakna, nilai dalam Islam mempunyai kekuatan rohaniah yang paling kukuh (Mustafa, 1994:146). Nilai-nilai tersebut hanya benar-benar dapat dihayati sekiranya dihubungkan dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Sekiranya ia tidak dapat dihubungkan dan disepadan, hal ini bermakna nilai-nilai tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik (Shaharom, 1997:19).

Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Program Latihan Berteraskan Islam

Walaupun penerapan nilai tidak ditonjolkan secara umum dalam prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam (PBI), ia tetap menjadi salah satu aspek penting khususnya dalam konteks program latihan berteraskan Islam. Melalui sorotan karya yang telah dilakukan, terdapat beberapa nilai yang menjadi prinsip dalam PBI yang telah dikenal pasti. Antaranya ialah nilai ihsan, nilai keadilan, nilai amanah, nilai kesederhanaan dan nilai muhasabah diri. Nilai-nilai ini dikaitkan dengan amalan sifat-sifat mahmudah atau sifat terpuji yang bertentangan dengan sifat-sifat mazmumah atau sifat-sifat terkeji. Nilai-nilai Islam begitu penting sekali ditekankan dalam program latihan. Hal ini membolehkan kebajikan awam umumnya dan para pekerja khususnya lebih terjamin. Sebagai contoh, nilai amanah dalam menguruskan masa, harta dan wang rakyat. Pekerja yang melengahkan kerja membawa kepada pembaziran masa dan wang masyarakat. Penerapan nilai-nilai Islam mementingkan kualiti umat Islam sendiri yang bakal menjadi contoh dan teladan kepada golongan lain (Zulfakhairi *et al.*, 2018). Dalam konteks program latihan berteraskan Islam, aspek kemahiran, keupayaan dan pengetahuan dalam pekerjaan perlu dilengkapkan, malah perlu dimulakan dengan pembinaan dan penerapan nilai-nilai Islam terlebih dahulu agar insan atau pekerja yang dilahirkan menjadi lebih unggul dan berkualiti. Huraian mengenai setiap nilai adalah seperti berikut:

Nilai Ihsan

Ihsan mempunyai beberapa pengertian. Dari satu aspek, ia membawa maksud bahawa Allah SWT melihat segala perbuatan manusia sama ada secara terang atau sulit (Mustafa, 1994:148). Oleh itu, seseorang pekerja perlu meyakini bahawa setiap perbuatan pengurusan adalah dilihat oleh Allah SWT. Dari aspek yang lain pula, ia bermaksud sifat belas kasihan, baik hati dan bertimbang rasa dalam aspek pengurusan institusi. Allah SWT telah menjanjikan syurga kepada para hamba-Nya yang mempunyai dan mengamalkan sifat-sifat

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions ini.¹ Nilai ihsan yang terdapat dalam al-Qur'an ini juga diterangkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa hadith.² Oleh yang demikian, ihsan adalah apabila roh dan akal sedar bahawa Allah SWT sedang melihat. Merasakan Allah SWT sedang melihat, sedang mendengar, sedang menilai dan merasai Allah SWT Maha Berkuastra mentadbir dan mengurus manusia. Ihsan dapat dibahagikan kepada dua skop utama iaitu ihsan dalam peribadatan dan ihsan dalam muamalah. Ihsan dalam peribadatan ialah manusia beribadah kepada Allah SWT dengan penuh khusyuk dan ikhlas seolah-olah ketika itu dia sedang berhadapan dengan Allah SWT. Ihsan dalam muamalah pula mempunyai dua pengertian. Pertama, ihsan merupakan kurniaan nikmat, maslahah iaitu penjagaan kepentingan tertentu yang dimiliki atau sepatutnya dimiliki oleh pihak-pihak tertentu dan mempertingkatkan kualiti dalam pekerjaan. Pengertian ini dapat dilihat melalui aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan Islam (Azman, 2001:62; Hassan, 2008:209; Mohamad Zamri, 2014).

Bagi maksud kedua, ihsan dilihat dalam konteks pekerjaan dan pengurusan institusi. Ihsan bermaksud mempertingkatkan kualiti kerja, ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan keterampilan kemahiran yang mantap dan dibangunkan sepenuhnya (Mohamad Zamri, 2014). Muhammad Nubli (2008a:24) pula secara khusus menjelaskan makna ihsan iaitu memberikan lebih banyak daripada tugas yang diminta, bekerja lebih baik daripada kerja yang ditugaskan, lebih masa daripada masa yang ditetapkan dan memberikan perkhidmatan terbaik dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Akhirnya, pengurus atau pekerja tersebut akan menjadi pekerja yang dapat memenuhi tanggungjawabnya sebagai pekerja dan dalam masa yang sama, mendapat ganjaran hasil ibadah yang dilakukan kerana Allah SWT. Berdasarkan pernyataan tersebut, pengamalan konsep ihsan akan menghasilkan pekerja yang mempunyai sifat-sifat disukai Allah SWT seperti bersungguh-sungguh, amanah, menepati waktu dan sebagainya, kerana mereka tahu bahawa mereka bekerja kerana Allah SWT. Mereka merasakan bahawa segala perkara yang dilakukan merupakan ibadah, maka segala amalannya akan diperhatikan oleh Allah SWT walaupun tidak dapat melihat Allah SWT.³

Nilai Keadilan

Dari segi bahasa, adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Adil juga merujuk kepada keseimbangan dan pemberian hak kepada yang berhak (Syed Othman AlHabshi, 1998:214). Dari segi istilah, adil adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya berdasarkan ketetapan akidah, syariah dan akhlak bersumberkan al-Qur'an dan hadith (Mustafa,

¹ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Untuk orang-orang yang berusaha menjadikan amalnya baik dikurniakan segala kebaikan serta satu tambahan yang mulia dan air muka mereka pula (berseri-seri) tidak diliputi oleh sebarang kesedihan dan kehinaan. Mereka itulah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya" (Yunus, 10:26).

² Antaranya, sabda Rasulullah SAW dalam hadith Jibra'il ketika baginda SAW ditanya oleh Malaikat Jibra'il a.s. yang bermaksud: "Kemudian Dia (Jibra'il) bertanya lagi: Wahai Rasulullah SAW, apa itu ihsan? Baginda SAW menjawab: "(Ihsan itu) ialah kamu menyembah Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya. Sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya, sesungguhnya Dia (Allah SWT) pasti melihat kamu" (Riwayat al-Bukhari, No. Hadith:48).

³ Hal ini bermakna, ihsan bukan sahaja dalam aspek peribadatan semata-mata bahkan dalam aspek-aspek kehidupan yang lain sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah SWT semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab Neraka" (Ali-'Imran, 3:191).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions 1994:148).⁴ Keadilan tidak bermaksud persamaan. Sebagai contoh, hasil daripada perbezaan jantina lelaki dan perempuan, maka dengan sendirinya terdapat pekerjaan yang sesuai untuk suatu pihak dan tidak sesuai untuk pihak yang lain. Oleh yang demikian, keadilan sentiasa dikaitkan dengan kesaksamaan. Keadilan dalam Islam diukur melalui al-Qur'an dan hadith dan bukan ditafsirkan mengikut hawa nafsu manusia. Nilai yang adil mempunyai kesan yang positif. Ia dapat mencegah daripada berlakunya penyelewengan dan akan meluaskan sifat amanah, adil dan saksama. Ia merupakan salah satu nilai yang sesuai dengan fitrah insan yang suka diberikan layanan yang adil dan dapat mengurangkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan ahli institusi. Dalam bidang pengurusan, keadilan itu meliputi semua hal dan bidang dari aspek peraturan, undang-undang, nilai, etika, latihan dan sebagainya. Dalam konteks program latihan, setiap program latihan seharusnya diberikan kepada pekerja yang layak dan berhak.⁵

Nilai Amanah

Amanah merupakan sesuatu yang wajib dipelihara dengan sebaiknya dan menyerahkan sesuatu kepada yang berhak menerimanya. Apabila seseorang gagal melaksanakan amanah, maka dia telah berlaku khianat kerana matlamat amanah adalah untuk mencapai keadilan. Adil yang mutlak hanya menjadi hak milik Allah SWT. Walau bagaimanapun, manusia tetap diwajibkan berikhtiar untuk amanah. Amanah menghasilkan keamanan dan kemakmuran kepada masyarakat (Haron, 2015a:72; Rusli, 2011:82). Amanah juga dikaitkan dengan bersih dan cekap. Bersih yang dimaksudkan adalah bersih dari aspek moral, akhlak dan etika dalam menjalankan tugas, tidak menyalahgunakan kuasa, tidak sompong dan tidak terlibat dengan salah laku jenayah dan rasuah. Bersih dari aspek fizikal pula ialah seperti mempunyai tubuh badan yang sihat, cergas dan terurus. Cekap pula berkaitan dengan aspek prestasi kerja yang cemerlang dan berkualiti. Amanah ialah nilai dalam pengurusan institusi yang amat diutamakan dalam Islam. Islam menegaskan bahawa perancangan dari atas ke bawah mestilah amanah, jujur dan adil dalam pengurusan sesebuah institusi termasuklah institusi Islam. Selain itu, berani dalam memberi teguran secara berhikmah termasuk dalam sifat amanah (Mustafa, 1994:149).

Pekerjaan dengan amanah hasilnya merupakan ibadah. Pengurusan dalam Islam merupakan suatu proses penyempurnaan amanah. Amanah merupakan kunci yang amat penting bagi menjayakan sesuatu pekerjaan. Amanah yang paling tinggi dalam bekerja ialah amanah terhadap Allah SWT. Hal ini bermakna seseorang insan melakukan sesuatu kerja dengan ikhlas, sebaik dan seadil mungkin dengan sandarannya bahawa Allah SWT Maha Mengetahui setiap perkara yang seseorang insan lakukan dan hasil kerja tersebut memberikan manfaat

⁴ Allah SWT telah menekankan kewajipan untuk sentiasa menegakkan keadilan dalam setiap perkara dan keadaan melalui firman-Nya yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah SWT, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan" (al-Ma'idah, 5:8).

⁵ Berkaitan dengan hal ini, Allah SWT telah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat" (al-Nisa', 4:58).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions dan kebaikan kepada orang lain dan institusi. Pekerjaan itu bukan sahaja merupakan satu tanggungjawab bahkan pada masa yang sama, Allah SWT memberikan ganjaran pahala dan mengurniakan rahmat dan *barakah*-Nya. Amanah dengan Allah SWT juga akan memberikan kesan yang baik terhadap institusi dan manusia (Sidek, 2012). Penerapan nilai amanah dalam program latihan berteraskan Islam amat penting. Hal ini berdasarkan kepada isu keruntuhan akhlak dan sahsiah manusia seperti salah laku, rasuah dan sebagainya yang membuktikan manusia semakin rakus mengejar kekayaan dan kejayaan material walaupun terpaksa mengorbankan keimanan dan nilai amanah.⁶ Oleh yang demikian, seseorang pekerja khususnya dalam institusi Islam dilarang sama sekali mengamalkan dasar nepotisme, kronisme, rasuah dan mengeksplorasi jawatan serta kedudukannya bagi kepentingan peribadinya. Akhirnya, Rasulullah SAW memberi amaran kepada umat Islam mengenai hilangnya sifat amanah dalam masyarakat Islam pada masa akan datang. Ia juga merupakan tanda-tanda kecil hari kiamat.⁷

Nilai Kesederhanaan

Islam amat menggalakkan nilai kesederhanaan dalam semua perkara. Malah Islam itu sendiri merupakan agama yang sederhana dan umatnya pula merupakan umat yang menjadi teladan kerana kesederhanaannya. Kesederhanaan digalakkan oleh Islam dalam pelbagai perkara termasuklah dalam hal-hal peribadatan, kehidupan sehari-hari, pekerjaan dan sebagainya.⁸ Berdasarkan firman Allah SWT tersebut, kesederhanaan merupakan satu sikap yang menolak keterlaluan sama ada keterlaluan dalam menetapkan sesuatu peraturan, perbelanjaan dan sebagainya. Sederhana mengikut ajaran Islam ialah keseimbangan dalam memenuhi tuntutan keduniaan dan akhirat secara bersepadau (Zulkifli, 2011:27). Dalam konteks pengurusan insan dalam institusi, sikap sederhana dalam bercakap, mengeluarkan arahan, bergaul, berpakaian sopan dan sebagainya sangat penting bagi menambah kecekapan dan produktiviti sesuatu institusi. Oleh yang demikian, penerapan nilai kesederhanaan dalam program latihan perlu diutamakan dan perlu diberikan perhatian (Abang Mohd. Razif, Syahmir, Musmuliadi & Zulfakhairi, 2018).

⁶ Rasulullah SAW telah menegaskan perkara ini dalam hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. yang bermaksud: "Tidak sempurna keimanan seseorang yang tidak menuaikan amanah dan tidak sempurna agama seseorang yang tidak memenuhi janjinya" (Riwayat Ahmad, No. Hadith: 12722).

⁷ Rasulullah SAW menegaskan perkara ini dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud: "Jika amanah telah disia-siakan, tunggu saja kehancuran terjadi." Ada seorang sahabat bertanya, "Bagaimanakah maksud amanah disia-siakan?" Rasulullah SAW menjawab, "Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu" (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith: 6015).

⁸ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Serulah nama 'Allah' SWT atau nama 'al-Rahman', yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah SWT mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau solatmu, juga janganlah engkau memperlahankannya dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu" (al-Isra', 17:110), "Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah SWT tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas" (al-A'raf, 7:31), "Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas" (al-A'raf, 7:55).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Nilai Muhasabah Diri

Dalam konteks PBI, salah satu cara untuk meningkatkan mutu dan kualiti kerja yang merupakan tanggungjawab seseorang pekerja untuk menuju kejayaan ialah dengan menilai kelemahan diri sendiri, kekurangan, kesilapan dan kesalahan yang telah dilakukan. Muhasabah diri perlu dilakukan dengan menyenaraikan segala kelemahan diri sendiri yang pernah dilakukan dan berusaha untuk mengatasinya dan berusaha mengelakkannya daripada berulang lagi (Nor 'Azzah, 2006:95). Oleh yang demikian, setiap program latihan yang dilaksanakan seharusnya menerapkan nilai muhasabah diri supaya setiap peserta mampu untuk menilai kelemahan diri sendiri dan seterusnya memperbaiki diri sendiri agar menjadi insan atau pekerja yang lebih baik pada masa akan datang.⁹ Allah SWT menekankan perintah melakukan muhasabah diri ini dengan dimulakan dan diakhiri dengan perkataan takwa. Hal ini secara jelas menunjukkan muhasabah yang perlu dilakukan itu seharusnya berpaksikan kepada ketauhidan dan ketakwaan kepada Allah SWT (Engku Ahmad Zaki, 2008:209).¹⁰

Dalam konteks program latihan, nilai muhasabah tidak kurang pentingnya. Muhasabah merupakan suatu bentuk amalan kerohanian untuk mengubat jiwa dan turut memberikan implikasi positif terhadap fizikal manusia. Menerusi amalan menilai, memeriksa dan memperbaiki diri ini, segala yang dilakukan akan difikirkan semula. Nilai muhasabah ini perlu wujud dalam setiap program latihan yang dilaksanakan supaya setiap pekerja mampu menilai, memeriksa dan memperbaiki diri mereka sebaik sahaja selesai menjalani sesuatu program latihan tersebut. Kekuatan dan peluang yang ada diambil dan setiap kelemahan diatasi, diperbaiki dan diambil tindakan pembetulan dengan segera (Nor 'Azzah, 2006:95). Untuk tujuan tersebut, muhasabah perlulah dilakukan secara konsisten sama ada secara individu atau berkumpulan. Proses muhasabah yang berterusan dan konsisten ini merupakan asas yang penting dikembangkan supaya akhirnya hati dan pemikiran insan cenderung terarah untuk memiliki sifat patuh dan taat terhadap nilai-nilai Islam yang perlu ada pada diri (Nor 'Azzah, 2006:95; Sidek, 2012).

Analisis Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Program Latihan Di ILIM dalam Konteks Institusi Pendidikan Tinggi Islam

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, secara umumnya, penerapan nilai-nilai Islam tidak ditonjolkan dalam prinsip-prinsip PBI. Walau bagaimanapun, penerapan nilai-nilai Islam ini tetap menjadi salah satu aspek penting khususnya dalam konteks asas-asas program latihan berteraskan Islam. Terdapat beberapa nilai yang diletakkan sebagai nilai-nilai Islam yang perlu ada dalam asas-asas program latihan berteraskan Islam. Antaranya ialah nilai ihsan, nilai keadilan, nilai amanah, nilai kesederhanaan dan nilai muhasabah diri. Nilai-nilai ini dikaitkan dengan amalan sifat-sifat mahmudah atau sifat terpuji yang bertentangan dengan sifat-sifat mazmumah atau sifat-sifat terkeji yang dibentuk melalui program latihan berteraskan Islam. program latihan ILIM dilihat tidak terkecuali menekankan nilai ihsan. Program latihan yang ditawarkan ILIM yang menekankan secara khusus nilai ihsan ialah

⁹ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah SWT (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat) dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT amat meliputi pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan" (al-Hasyr, 59:18).

¹⁰ Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Setiap insan pasti melakukan kesilapan dan sebaik-baik insan yang melakukan kesilapan itu adalah mereka yang sentiasa bertaubat" (Riwayat Tirmidzi, No. Hadith: 2423).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Kursus Pengurusan Islam. Program latihan ini bermatlamatkan memberi pendedahan mengenai sistem pengurusan Islam dalam perkhidmatan awam dan meningkatkan aspek *amal jama'i* dalam meninggikan kompetensi penjawat awam. Kandungan program latihan ini ialah tentang pengaplikasian nilai ihsan dan *amal jama'i* dalam pekerjaan dan pengurusan terutamanya dalam konteks pengurusan insan di institusi pendidikan tinggi Islam di Malaysia. Terdapat beberapa program latihan yang ditawarkan oleh ILIM menekankan nilai keadilan. Antaranya ialah Kursus Asas Penggubalan Undang-undang, Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam, Kursus Pengurusan Rayuan dan Semakan Kes Jenayah Syariah, Kursus Pengenalan Undang-undang Syariah di Malaysia, Seminar Undang-undang Keluarga, Kursus Kemahiran Pendakwaan Syarie, Kursus Perbandingan Sistem Perundangan Islam dan Sivil di Malaysia, Diskusi Undang-undang, Kursus Pemahaman Pentadbiran Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Kursus Perundangan Islam.

Nilai amanah merupakan antara nilai Islam utama yang diterapkan oleh ILIM dalam program latihan yang ditawarkannya. Terdapat beberapa program latihan yang ditawarkan oleh ILIM menekankan nilai amanah dalam pekerjaan dan kehidupan. Antaranya ialah Kursus Kepimpinan Aras Tinggi, Kursus Kemahiran Menjadi Saksi di Mahkamah, Kursus Pemikiran Islam, Kursus Pengurusan Harta dalam Islam, Kursus Pengurusan dan Kewangan Masjid, Kursus Pengurusan Wakaf dan Kursus Pengurusan Zakat. Dalam kesemua program latihan ILIM ini, nilai amanah dalam bekerja ditekankan dalam kalangan para pesertanya bagi meningkatkan keyakinan awam terhadap organisasi. Nilai kesederhanaan juga dapat diteliti dalam aspek bentuk program latihan ILIM. Terdapat beberapa program latihan yang ditawarkan oleh ILIM menekankan nilai kesederhanaan dalam pekerjaan dan kehidupan. Antaranya ialah Kursus Kewangan Berlandaskan Syariah, Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Dakwah dan Kursus Metodologi Dakwah. Nilai muhasabah diri pula merupakan nilai yang turut menjadi asas kepada penerapan nilai-nilai Islam dalam program latihan berteraskan Islam. Walaupun tidak dinyatakan secara langsung dalam program latihan ILIM, nilai muhasabah diri tetap diterapkan oleh ILIM dalam program latihan yang ditawarkannya. Terdapat beberapa program latihan yang ditawarkan oleh ILIM menekankan nilai muhasabah diri. Antaranya ialah Kursus Persediaan Persaraan, Kursus Strategik dan Pembangunan Diri dan Kursus Dakwah dan Pembangunan Insan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penerapan nilai-nilai Islam dalam program latihan ILIM akan dapat memudahkan usaha memajukan pelbagai sektor dan jenis institusi Islam termasuklah institusi pendidikan tinggi Islam. Keyakinan kepada nilai-nilai Islam yang dimaksudkan itu juga akan dapat memberikan kesan positif kepada masyarakat dalam jangka masa yang panjang. Penerapan nilai-nilai Islam ini juga akan dapat melahirkan pekerja dalam institusi pendidikan tinggi Islam yang mengenal Penciptanya iaitu Allah SWT dan mengimannya serta keimanan yang mantap dan membentuk jati diri yang kuat.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berdasarkan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Bibliografi

- Abang Mohd. Razif Abang Muis. (2015). *Pembangunan insan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd.Syahmir Alias, Musmuliadi Kamarudin, & Mohamad Zulfakhairi Mokthar. (2018). Islamic Perspective on Human Development Management: A Philosophical Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 543–552. Diakses daripada 10.6007/IJARBSS/v8-i4/4031
- Azman Che Omar. (2001). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2008). *Apa itu Islam*. Batu Caves: PTS Publications & Distributions.
- Haron Din. (2015). *Manusia dan Islam: Jilid 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2008). *Institusi Islam*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- INTAN. (1991). *Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mohamad Zamri Mohamed Shapik. (2014). Penghayatan konsep ihsan ke arah melahirkan tenaga kerja berprestasi tinggi. Dlm. *Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3*. Bangi: Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Mokthar, M. Z., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Abang Muis, A. M. R. (2018). Impak Niat Terhadap Pekerja di Institusi Islam dari Perspektif Tasawur Islam The Impact of Intention amongst Workers of Islamic Institutions from the Perspective of Islamic Worldview. *Sains Insani*.
- Muhammad Nubli Abdul Wahab. (2008). *Kecemerlangan pengurusan organisasi dalam Islam*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Mustafa Daud. (1994). *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Nor 'Azzah Kamri. (2006). Pengurusan sumber manusia menurut perspektif Islam. Dlm. Ab Mumin Ab Ghani & Fadillah Mansor (Eds.), *Dimensi Pengurusan Islam: mengurus kerja dan mengurus modal insan* (hal. 83–101). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rusli Ahmad. (2011). Konsep personaliti unggul dan ciri-ciri pekerja cemerlang. Dlm. Abd Jalil Borham, Ahmad Fazrullah Mohd Zainal Abidin, Hassan Ahmad, & Munira Abdul Razak (Eds.), *Mengangkasa modal insan: Isu dan cabaran*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Shaharom TM Sulaiman. (1997). *Pengurusan Islam dan pembangunan manusia*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Sheikh Abd. Aziz, W. M. (2011). Pemahaman dan penghayatan nilai menjana kepada prestasi: Pengalaman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dlm. *Pemahaman dan penghayatan nilai menjana kepada prestasi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Sidek Baba. (2012). *Pengurusan Islami: Aplikasi ihsan dan insan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd.
- Syed Othman AlHabshi. (1998). Pembangunan Manusia dalam Pengurusan. Dlm. Syed Othman Alhabshi & Hamiza Ibrahim (Eds.), *Pengurusan dan Pentadbiran: Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai* (hal. 193–216). Kuala Lumpur: Institut

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2011). *Wasatiyyah: Konsep dan pelaksanaannya*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).